

**Razali Belum Buat Keputusan Bertanding Pada Pemilihan Umno
Bernama
21 Julai, 2013**

MUAR, 21 Julai (Bernama) -- Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Razali Ibrahim masih belum membuat keputusan sama ada akan bertanding mana-mana jawatan pada pemilihan Umno pada perhimpunan agung parti dijadual Oktober ini.

Katanya walaupun pindaan perlembagaan Umno membenarkan semua ahli bertanding untuk menyuburkan amalan demokrasi dalam parti, mereka yang hendak bertanding seharusnya mempunyai kemampuan dan idea yang boleh menyumbang kepada pengukuhan parti.

Menurutnya atas faktor umur beliau tidak boleh bertanding jawatan dalam pergerakan Pemuda Umno tetapi telah menyatakan sokongan kepada Khairy Jamaluddin untuk bertanding mengekalkan jawatan ketua pergerakan itu.

Razali yang juga anggota Parlimen Muar berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan program Rakan Muda Bubur Lambuk anjuran Jabatan Belia dan Sukan Daerah Muar di Masjid Jamek Sultan Ibrahim di sini hari ini.

Mengenai keputusan Pergerakan Pemuda Umno Johor dalam mesyuarat khasnya Jumaat lepas mahu semua jawatan dalam pergerakan Pemuda dipertandingkan pada pemilihan Umno akan datang, katanya beliau menyokong pendirian itu.

"Yang penting, pemilihan kali ini bukan sahaja dapat mengukuhkan parti malah mampu mengembalikan keyakinan orang Melayu khasnya dan rakyat amnya terhadap Umno," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964971>